



---

**POLISI CUKAI PELANCONGAN (TTx) NO. 2/2023**

**PELANJUTAN LIABILITI UNTUK MENGUTIP, MENGAKAUN DAN MEREMIT CUKAI PELANCONGAN KE ATAS PELANCONG YANG MEMBUAT TEMPAHAN PREMIS PENGINAPAN DI MALAYSIA SECARA ATAS TALIAN MELALUI PEMBERI PERKHIDMATAN PLATFORM DIGITAL BERDAFTAR**

1. Di bawah subseksyen 20B (1) Akta Cukai Pelancongan (Pindaan) 2021, tiap-tiap pemberi perkhidmatan platform digital (“PPPD”) yang menyediakan premis penginapan melalui perkhidmatan yang berhubungan dengan tempahan premis penginapan dalam talian hendaklah memungut cukai pelancongan daripada pelancong.
2. Berdasarkan kelonggaran yang diberikan kepada PPPD melalui Polisi Cukai Pelancongan (TTx) No.1/2023, Menteri Kewangan telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh kelonggaran tersebut bermula pada **1 APRIL 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2025** berkaitan perkara-perkara berikut:
  - (i) PPPD berdaftar yang **tidak menerima bayaran tempahan** premis penginapan secara terus daripada pelancong asing **tidak bertanggung** untuk mengutip, mengakaun dan meremit cukai pelancongan kepada JKDM mengikut tempoh bercukai PPPD berdaftar berkenaan.
  - (ii) Pengendali premis penginapan berdaftar yang **menerima bayaran** daripada pelancong asing bagi tempahan premis penginapan melalui PPPD **dikehendaki** mengutip, mengakaun dan meremit cukai pelancongan kepada JKDM mengikut tempoh bercukai pengendali berdaftar berkenaan.
3. Bagi PPPD yang **menerima bayaran** tempahan premis penginapan secara terus daripada pelancong asing, tiada tempoh kelonggaran diberikan. PPPD tersebut **bertanggung** untuk mengutip, mengakaun dan meremit cukai pelancongan kepada JKDM bagi tempahan penginapan mulai 1 Januari 2023.